



85 peratus graduan UiTM dapat kerja

Oleh **Norzamira Che Noh** - Disember 10, 2022 @ 7:55pm
bhnews@bh.com.my



Sebahagian graduan UiTM menerima skrol pada hari terakhir Istiadat Konvokesyen UiTM ke-95 di Shah Alam hari ini. - Foto BERNAMA

SHAH ALAM: Kira-kira 85 peratus graduan Universiti Teknologi MARA (UiTM) ditawarkan pekerjaan selepas enam bulan tamat pengajian.

Naib Canselornya, Prof Datuk Dr Roziah Janor, berkata antara program yang menyumbang kepada kebolehpasaran yang tinggi ialah pergigian, farmasi, pengurusan, perakaunan dan sains komputer.

"Hospitaliti (perhotelan) antara yang mencabar dari segi kebolehpasaran, susulan pandemik COVID-19.

"Universiti melaksanakan banyak inisiatif bagi meningkatkan kebolehpasaran. Antaranya mengadakan memorandum persefahaman (MoU) dengan hotel di dalam dan luar negara bagi membantu pelajar," katanya di sini hari.

Terdahulu, Roziah menerima sijil pengiktirafan Malaysia Book of Records (MBR) dengan dua pengiktirafan iaitu Jumlah Skrol Terbanyak Dalam Istiadat Konvokesyen dan Bilangan Skrol Tertinggi Yang Disampaikan Oleh Naib Canselor.

Sijil berkenaan disampaikan wakil MBR, Siti Nurhanim Mohd Noh selepas tamat sidang terakhir istiadat konvokesyen UiTM bagi kampus Semenanjung.

Sejumlah 28,408 graduan dari semua peringkat pengajian menerima skrol masing-masing Istiadat Konvokesyen UiTM ke-95.

Seramai 2,812 graduan akan menerima skrol masing-masing pada Rabu dan Khamis ini, bagi UiTM cawangan Sabah dan 19 hingga 21 Disember di UiTM cawangan Sarawak.